

No. 862.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

STATUT UNIVERSITI MALAYA
(JAWATANKUASA KEBAJIKAN PELAJAR) 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya, Canselor membuat Statut yang berikut:

Nama

1. Statut ini bolehlah dinamakan Statut Universiti Malaya (Jawatankuasa Kebajikan Pelajar) 2024, dan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Keahlian Jawatankuasa

2. Jawatankuasa Kebajikan Pelajar hendaklah terdiri daripada—

- (a) Naib Canselor yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar;
- (c) seorang ahli yang dilantik dalam kalangan Lembaga Pengarah Universiti;
- (d) seorang ahli Senat; dan
- (e) dua (2) orang ahli yang dipilih oleh Majlis Perwakilan Pelajar.

Fungsi Jawatankuasa

3. (1) Fungsi Jawatankuasa hendaklah termasuk yang berikut—

- (a) mempertimbangkan semua perkara yang berkaitan dengan hal ehwal kebajikan pelajar serta menasihati Naib Canselor dan Pihak Berkuasa Universiti yang lain mengenainya;
- (b) mencadangkan dan melaksanakan polisi Universiti berkaitan kebajikan pelajar yang merangkumi aspek-aspek berikut:
 - (i) pembangunan sahsiah pelajar;

- (ii) persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang kondusif;
 - (iii) kemudahan penginapan, pengangkutan dan perhubungan;
 - (iv) kesihatan dan keselamatan; dan
 - (v) rekreasi dan riadah.
- (c) memperakukan polisi berkaitan bantuan kewangan pelajar Universiti; dan
- (d) memperakukan penubuhan tabung amanah kebajikan dan pembangunan pelajar.

(2) Jawatankuasa boleh merujuk mana-mana perkara di dalam subperenggan (1)(a) hingga (d) kepada pihak berkuasa Universiti untuk kelulusan, jika perlu.

Mesyuarat Jawatankuasa

4. (1) Jawatankuasa Kebajikan Pelajar hendaklah mengadakan mesyuarat pada tarikh, masa dan di tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi.

(2) Kuorum untuk sesuatu mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan Pelajar hendaklah tidak kurang daripada tiga (3) orang bilangan ahlinya.

(3) Pengerusi boleh menjemput mana-mana orang untuk turut hadir dalam sesuatu mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan Pelajar tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Jawatankuasa.

Setiausaha Jawatankuasa

5. Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Pelajar hendaklah melantik mana-mana pegawai atau pekerja Universiti yang bertanggungjawab dengan hal ehwal pelajar menjadi Setiausaha Jawatankuasa Kebajikan Pelajar.

Pembatalan

6. Statut Universiti Malaya (Lembaga Kebajikan Pelajar-Pelajar) 1978 adalah dibatalkan.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH
Canselor
Universiti Malaya